



KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 (69)

Tarikh : 24 MAC 2022

MBPJ ANJUR OPERASI TEMBAK GAGAK

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengadakan Operasi Tembak Gagak pada 26 dan 27 Mac 2022 (Sabtu & Ahad) di 13 lokasi di sekitar Petaling Jaya pada pukul 2.30 pagi hingga 7.30 malam.

Operasi ini diadakan bertujuan mengurangkan populasi burung gagak yang sering membawa masalah kesihatan dan mengotorkan premis bangunan, perniagaan dan lain-lain harta benda di sekitar Petaling Jaya. Hal ini bertetapan dengan hasrat Majlis untuk menyediakan sebuah bandar raya yang selamat dihuni serta selasa kepada penduduknya.

Untuk makluman, Majlis telah melakukan pemantauan dan mengenal pasti beberapa lokasi yang menjadi hotspot sebagai tempat burung gagak bersarang dan membiak. Pada Ahad nanti, seramai 24 penembak berdaftar berlesen yang sah diperakui Polis Diraja Malaysia akan berada di lokasi seperti berikut:

- 1) Jalan PJS 1/35 Petaling Utama, Petaling Jaya
- 2) Jalan PJS 2/3 Taman Medan, Petaling Jaya
- 3) Jalan PJS 3/25, PJS 3/44, PJS 3/55, & PJS 3/56, Taman Sri Manja, Petaling Jaya
- 4) Jalan PJS 4/10 Taman Medan, Petaling Jaya
- 5) Jalan Medan 32, Taman Medan Baru, Petaling Jaya
- 6) Jalan Tengah, Seksyen 52, Petaling Jaya
- 7) Jalan PJU 7/15, Mutiara Damansara, Petaling Jaya
- 8) Padang Permainan Perumahan BU 4/7, Bandar Utama, Petaling Jaya
- 9) PJU 1A/7 – PJU 1A/20 (Ara Damansara)
- 10) Jalan PJU 5/9, Dataran Sunway, Kota Damansara
- 11) Jalan Sepah Puteri 5/9, Kota Damansara
- 12) Jalan TSB 10A, Kota Damansara
- 13) Jalan 14/14, Petaling Jaya

Para peserta juga telah diingatkan agar tidak menembak di luar kawasan pentadbiran MBPJ. Dalam pada masa yang sama dilarang sama sekali untuk melakukan tembakan di tempat-tempat awam seperti di kawasan hospital dan klinik kerajaan atau swasta, rumah ibadat, institusi pendidikan, pejabat kerajaan, stesen minyak, perumahan berstrata, kawasan komersial berpagar /guarded, kawasan kilang yang berisiko tinggi dan lain-lain.

Majlis juga ingin mengingatkan kepada orang awam agar memberi kerjasama sewaktu operasi berlangsung di kawasan yang telah dinyatakan dan Majlis juga mengingatkan masyarakat setempat tidak berada di kawasan terbabit dan sentiasa berwaspada sewaktu operasi sedang berlangsung.

Sepanjang Operasi ini, Majlis akan menempatkan pegawai dan kakitangan dari Jabatan Kesihatan Persekutuan serta Jabatan Penguatkuasaan untuk memantau para peserta sepanjang operasi ini berlangsung.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutuan MBPJ di talian 03-7955 5473.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

